

11 JUL 1998

Ling-Kit Siang

PROJEK "TANJUNG 4" AKAN GAGAL, KATA LIONG SIK

PULAU PINANG, 11 Julai (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yakin bahawa Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang tidak akan berjaya untuk kembali berkuasa di Pulau Pinang menerusi projek "Tanjung 4".

Beliau berkata, Kit Siang sudah tahu bahawa jika beliau (Kit Siang) meneruskan projek Tanjung 4 atau "Tanjung See" yang dalam bahasa Mandarin bermakna "mati", beliau akan gagal.

"Dia tahu dia tidak akan berjaya, jadi adalah lebih baik untuk dia berkata yang dia tidak akan cuba mengambil alih kuasa kerajaan negeri kerana kali ini dia sedar Tanjung 4 akan gagal," katanya kepada pemberita selepas majlis konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman, cawangan Pulau Pinang di sini, hari ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, kali ini Kit Siang tidak akan cuba bercakap besar lagi, yang berlawanan dengan sikapnya -- lantang dan suka memerintah.

Apa yang ingin dikatakan oleh Kit Siang kepada orang ramai ialah " Saya akan gagal jika saya cuba mengambil alih kuasa daripada kerajaan negeri", jadi adalah wajar dia (Kit Siang) berkata sebaliknya bahawa "Saya tidak ingin mengambil alih kerajaan negeri".

"Lebih baik dia beritahu orang ramai " Saya akan gagal, tetapi dia tidak menyebut perkataan `gagal'," katanya.

Dr Ling juga berkata bahawa Kit Siang akan gembira jika DAP memenangi satu atau dua kerusi Dewan Undangan Negeri kerana kini DAP hanya memenangi satu kerusi.

Mengenai masalah ekonomi, beliau berkata orang ramai faham bahawa masalah itu bukan disebabkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim ataupun sesiapa dalam Barisan Nasional (BN).

"Mereka tahu jika ianya disebabkan oleh BN, hanya Malaysia yang terjejas, tetapi BN tidak ada di Indonesia, Korea, Thailand dan Jepun yang turut menghadapi masalah yang sama," katanya.

Beliau menekankan bahawa adalah jelas bahawa masalah itu bukan kesalahan BN.

"Kami (BN) tidak mempunyai sesiapa di Indonesia, Thailand, Jepun dan Korea untuk menyebabkan masalah itu dan kini Afrika Selatan turut terjejas dan jangan beritahu saya bahawa mereka juga adalah daripada BN," tegasnya.

-- BERNAMA

SA RHM PR